



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 11 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY SHUKRI DELIVERS DEEPAVALI AID PACKS TO UNDERPRIVILEGED INDIANS	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/10/nancy-shukri-delivers-deepavali-aid-packs-to-underprivileged-indians/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/10/nancy-sumbang-kotak-bantuan-sempena-deepavali/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PLATFORM BANTU BANDUAN WANITA MULAKAN HIDUP	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/10/platform-bantu-banduan-wanita-mulakan-hidup/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	VIDEO MONTAJ PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWK@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.youtube.com/watch?v=jxRxOCm34uM	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MANGSA BANJIR DI PERAK MENINGKAT, SELANGOR MAKIN PULIH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028957/mangsa-banjir-di-perak-meningkat-selangor-makin-pulih	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/keadaan-banjir-di-selangor-kian-pulih/	BULETINTV3.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2243330	BERNAMA.COM
	https://themalaysianreserve.com/2023/11/10/floods-more-evacuees-in-perak-fewer-in-selangor-this-morning/	THEMALAYSIANRESERVE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	'MACHO' TAG REASON FOR UNDERREPORTING OF MALE SEXUAL HARASSMENT, SAYS CRIMINOLOGIST	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/10/mach-o-tag-reason-for-underreporting-of-male-sexual-harassment-says-criminologist/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/10/jaga-macho-punca-kes-gangguan-seksual-lelaki-kurang-dilapor-kata-pakar/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PESAKIT KANSER BUAT PINJAMAN ALONG UNTUK TAMPUNG KOS RAWATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028953/pesakit-kanser-buat-pinjaman-along-untuk-tampung-kos-rawatan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	697 MANGSA BANJIR SELANGOR BERLINDUNG DI 10 PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA	
	https://selangorkini.my/2023/11/697-mangsa-banjir-selangor-berlindung-di-10-pusat-pemindahan-sementara/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BENCANA BANJIR: MANGSA MENURUN KEPADA 1,204, 2 NEGERI MASIH TERJEJAS	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bencana-banjir-mangsa-menurun-kepada-1204-2-negeri-masih-terjejas-x8pi5z3	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=piSK6l3bqnI	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	UJIAN BERAT JAGA 3 ANAK HIDAP PARU-PARU KRONIK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/10/ujian-berat-jaga-3-anak-hidap-paru-paru-kronik/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BOLA MATA HAMPIR TERSEMBUL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028996/bola-mata-hampir-tersembul	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PEK MAKANAN SEDIA DIMAKAN DIAGIHKAN DI PAHANG	
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/pek-makanan-sedia-dimakan-sudah-diagihkan-di-pahang	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PESAKIT KANSER TERPAKSA PINJAM ALONG TAMPUNG KOS RAWATAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1175602/pesakit-kanser-terpaksa-pinjam-along-tampung-kos-rawatan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	SPRM TAHAN PENGUAT KUASA MINTA HABUAN SEKS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1029013/sprm-tahan-penguat-kuasa-minta-habuan-seks	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SUAMI MENINGGAL PADA HARI JADI ANAK SULUNG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/suami-meninggal-pada-hari-jadi-anak-sulung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/633974/edisi/melaka-ns/ibu-tunggal-cekal-kehilangan-suami-ketika-berpantang	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KAUM LELAKI KURANG CAKNA RISIKO KESIHATAN BERBANDING WANITA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/10/kaum-lelaki-kurang-cakna-risiko-kesihatan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	SUSPEK BUANG BAYI DI TANDAS SURAU MASIH DICARI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028941/suspek-buang-bayi-di-tandas-surau-masih-dicari	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PEMUDA, WANITA MCA JELAJAH SELURUH NEGARA DEKATI BELIA	
	https://www.astroawani.com/berita-politik/pemuda-wanita-mca-jelajah-seluruh-negara-dekati-belia-445535	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2243452	BERNAMA.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/merokok-punca-wanita-mandul/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	JURULATIH TAEKWANDO DIDAKWA AMANG SEKSUAL LIMA KANAK-KANAK PEREMPUAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1175443/jurulatih-taekwando-didakwa-amang-seksual-lima-kanak-kanak-perempuan	BHARIAN.COM. MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/jurulatih-taekwando-berdepan-penjara-100-tahun-cabul-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/10/jurulatih-taekwando-didakwa-lima-pertuduhan-amang-seksual-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/633939/berita/semasa/jurulatih-taekwando-didakwa-amang-seksual-terhadap-5-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jurulatih-taekwando-didakwa-amang-seksual-fizikal-terhadap-5-kanakkanak-445495	ASTROAWANI.COM
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/10/jurulatih-taekwando-mengaku-tak-salah-amang-seksual-fizikal-5-kanak-kanak/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2243374	BERNAMA.COM
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/jurulatih-taekwando-didakwa-amang-seksual-fizikal-terhadap-lima-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/10/mahkamah-jurulatih-taekwando-berdepan-100-tahun-penjara-lakukan-amang-seksual-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028979/jurulatih-taekwando-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual-lima-budak	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	KEMASKINI SOP TASKA, ELAK KEJADIAN TERTINGGAL BAYI BERULANG	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kemaskini-sop-taska-elak-kejadian-tertinggal-bayi-berulang/	BULETINTV3.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	PEJALAN KAKI WARGA EMAS MAUT DIREMPUH PACUAN EMPAT RODA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pejalan-kaki-warga-emas-maut-dirempuh-pacuan-empat-roda-445470	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/warga-emas-maut-dirempuh-toyota-hilux-2/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-dirempuh-pacuan-empat-roda-2/	BULETINTV3.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/633905/berita/semasa/pejalan-kaki-warga-emas-maut-dirempuh-pacuan-empat-roda	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	SPRM TAHAN EKSEKUTIF WANITA DISYAKI TERIMA RASUAH RM45,000	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1175511/sprm-tahan-eksekutif-wanita-disyaki-terima-rasuah-rm45000	BHARIAN.COM. MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sprm-tahan-eksekutif-wanita-terima-rasuah-rm45000-445521	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
22	RAMAI USAHAWAN WANITA MELAKA BELUM KUASAI PEMASARAN DIGITAL – EXCO	
	https://malysiagazette.com/2023/11/10/ramai-usahawan-wanita-melaka-belum-kuasai-pemasaran-digital-exco/	MALYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	LETAK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI KERUSI PENUMPANG HADAPAN ELAK BAYI TERTINGGAL DALAM KERETA - KAUNSELOR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1175530/letak-kerusi-keselamatan-kanak-kanak-di-kerusi-penumpang-hadapan	BHARIAN.COM. MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	KANAK-KANAK LEMAS KETIKA MANDI PANTAI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1029192/kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-pantai	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/812842/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/634023/berita/semasa/kanak-kanak-lapan-tahun-lemas-di-pantai-taping	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=7JPjhbAto60	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
25	KERAJAAN NEGERI PERKENAL SARINGAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK	
	https://selangorkini.my/2023/11/kerajaan-negeri-perkenal-saringan-perkembangan-kanak-kanak/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	TAMAN PERMAINAN INTERAKTIF, MESRA KANAK-KANAK AUTISME	
	https://www.melakahariini.my/taman-permainan-interaktif-mesra-kanak-kanak-autisme/	MELAKAHARIINI.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


11/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
27	KES TINGGAL ANAK DALAM KERETA SECARA TIDAK SENGAJA	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/10/kes-tinggal-anak-dalam-kereta-secara-tidak-sengaja/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
28	WARGA EMAS MAUT DALAM KEMALANGAN DI LUNDU	
	https://dayakdaily.com/warga-emas-maut-dalam-kemalangan-di-lundu/	DAYAKDAILY.COM
	https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-maut-kemalangan-di-jalan-lundu-sematan/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	HANYA KERANA 'TEGUR' TUKANG ATAP	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1029147/hanya-kerana-tegur-tukang-atap	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	PENJAWAT AWAM RUGI LEBIH RM800,000 DIPERDAYA SINDIKET MACAU SCAM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjawat-awam-rugi-lebih-rm800000-diperdaya-sindiket-macau-scam-445509	ASTROAWANI.COM



TAJUK : MANGSA MACAU SCAM TERPAKSA HUTANG BANK LEBIH RM800,000

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mangsa Macau Scam terpaksa hutang bank lebih RM800,000

Hulu Selangor: Seorang penjawat awam wanita kerugian RM822,938 sehingga terpaksa berhutang dengan dua bank berlainan selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam, Rabu lalu.

Mangsa berusia 33 tahun menerima panggilan daripada lelaki menyamar sebagai kakitangan syarikat penghantaran memaklumpkannya membuat kiriman kad pengenalan dan kad bank untuk dihantar ke Miri, Sarawak. Ketua Polis Daerah Hulu Sela-

ngor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim, berkata mangsa kemudian dimaklumkan individu terbabit bahawa maklumat peribadinya digunakan orang lain.

“Suspek kemudian mengarahkan mangsa untuk berhubung dengan dua lagi lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis.

“Suspek memaklumkan wanita itu mempunyai rekod jenayah membabitkan kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah,” katanya menerusi ke-

nyataan, semalam.

Ahmad Faizal berkata, suspek kemudian meminta butiran maklumat peribadi dan perbankan milik mangsa.

“Mangsa mendapati wang di dalam akaun banknya berkurangan sebelum mengambil keputusan untuk membuat laporan polis pada jam 11.34 pagi kelmarin (Rabu),” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



TAJUK : PENGUAT KUASA DISYAKI MINTA HABUAN SEKS DITAHAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penguat kuasa disyaki minta habuan seks ditahan

Johor Bahru: Seorang anggota agensi penguatkuasaan ditahan selepas kerana disyaki meminta habuan seks sebagai balasan tidak mengambil tindakan ke atas seorang wanita yang gagal melapor diri atas kesalahan dadah.

Sumber berkata, lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika bersama wanita berusia 20-an itu dalam operasi khas di sebuah hotel di sini, jam 7.30 malam kelmarin.

Wanita berkenaan dipercayai gagal melapor diri secara bulanan kepada agensi penguatkuasaan berkenaan dan suspek dikatakan meminta habuan seks bagi mengelak mangsa dikenakan tindakan.

“Wanita berkenaan pernah ditahan atas kesalahan dadah dan sedang menjalani tempoh pengawasan dua tahun di sebuah agensi penguatkuasaan di Johor Bahru,” kata sumber berkenaan.

Mahkamah Majistret Johor Bahru membenarkan permohonan reman empat hari bermula semalam hingga Isnin ini bagi siasatan lanjut.

Permohonan reman dibenarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah, Chai Ing Hien, selepas dikemukakan SPRM.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



Anggota penguat kuasa dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi permohonan reman, semalam. (Foto ihsan SPRM)



TAJUK : PESAKIT KANSER PINJAM ALONG DEMI TAMPUNG KOS RAWATAN TINGGI

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pesakit kanser pinjam along demi tampung kos rawatan tinggi

Mangsa berdepan ugutan selepas gagal jelas bayaran

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Sebilangan pesakit kanser dikesan sanggup membuat pinjaman daripada ceti haram atau along akibat desakan hidup dan kekangan kewangan untuk menampung kos rawatan mereka, sehingga berdepan ugutan apabila gagal membayar balik hutang berkenaan.

Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal, berkata pihaknya mengenal pasti lima kes pesakit kanser membuat pinjaman wang tidak berlesen atas alasan untuk membayar kos rawatan di hospital.

Baru-baru ini, beliau berkata, seorang pesakit kanser wanita di Kedah mengadu diganggu along kerana gagal membayar balik pinjaman yang dibuatnya.

"CSM pernah membantu pesakit itu dan saya agak terkejut apabila dimaklumkan dia kini dikejar along sehingga dihantar video dan pesanan melalui WhatsApp. Malah, along terbabit turut menghubungi ahli keluarga dan rakan pesakit itu untuk menuntut hutang.

"Dalam hal ini, saya cuma bo-

leh menasihati mereka supaya membuat laporan polis jika bera-sa terancam dengan ugutan dan sebagainya," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Dapatkan bantuan

Zuraini turut menasihati pesakit kanser yang mempunyai masalah kewangan supaya berusaha mendapatkan bantuan daripada pihak berkaitan, termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Negeri, selain tidak membuat pinjaman wang tidak berlesen kerana ia boleh membawa kemudaratan.

"Lazimnya, pesakit yang kita ziarah memang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan dan menghidap kanser. Penyakit itu pula memerlukan rawatan yang panjang dan pesakit perlu berulang ke hospital banyak kali.

"Malah, terdapat pesakit yang perlu ke negeri lain untuk mendapatkan rawatan kerana ada pakar di sana. Justeru, mereka memerlukan kos yang banyak untuk

menjalani rawatan kemoterapi dan radioterapi," katanya.

Selain itu, Zuraini berkata, pesakit terbabit juga memerlukan kos untuk perjalanan ulang-alik dan penginapan, termasuk adakala terpaksa menyewa sementara hingga satu atau dua bulan sepanjang tempoh mendapatkan rawatan di hospital berkenaan.

Pada masa sama, beliau berkata, ada pesakit yang menanggung ramai anak dan dibebani masalah lain seperti kos sewa rumah serta bil utiliti atau bayaran tertunggak menyebabkan mereka terpaksa mengambil jalan mudah.


Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff, berkata tindakan along membuat gangguan atau ugutan disifatkan sebagai keterlaluan kerana mengambil kesempatan ketika orang lain dalam kesempitan.

Beliau sekali gus menasihati mangsa supaya membuat laporan polis bagi mengelak kejadian tidak diingini.

“CSM pernah membantu pesakit itu dan saya agak terkejut apabila dimaklumkan dia kini dikejar along sehingga dihantar video dan pesanan melalui WhatsApp”

Zuraini Kamal,
Pengerusi Cancer Survivors Malaysia





TAJUK : SUAMI PUKUL ISTERI DIPENJARA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suami pukul isteri dipenjara

Kuala Pilah: Seorang penternak lembu dihukum penjara dua tahun oleh Mahkamah Majistret, di sini semalam, atas kesalahan memukul isterinya yang juga seorang guru pada Selasa lalu.

Mahkamah menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Ismail Ibrahim, 46, dari Gemencheh mengaku bersalah sebaik saja pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Saiful Sayoti.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa sengaja mendatangi

kan kecederaan terhadap wanita berusia 47 tahun itu di kaki lima hadapan sebuah restoran makanan segera di Gemencheh, pada jam 9.10 malam, 7 November lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut seksyen sama dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Suami, mangsa bertengkar

Mengikut fakta kes, tertuduh dan isterinya dikatakan bertengkar di hadapan restoran makanan se-

gera ketika wanita itu sedang menunggu bas untuk pulang ke kampung di Terengganu.

Ketika pertengkaran itu, tertuduh didakwa mencekik leher dan menghantuk kepala isterinya ke dinding beberapa kali, selain menumbuk bahagian mata kanan pengadu dengan kejadian turut disaksikan orang awam.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amirul Noor Hashimi, manakala tertuduh tiada diwakili peguam.



TAJUK : 'RANAP SUDAH IMPIANKU'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Dunia tiba-tiba menjadi gelap buat Khairul Bariah Mohd Sukri, 18, apabila diuji dengan kanser hidung sejak tiga bulan lalu sehingga remaja itu tidak dapat melihat akibat komplikasi dialami.

Anak sulung daripada dua beradik itu berkata, sangat berat ujian ditanggungnya kerana masih banyak yang ingin dilakukannya dalam mengejar impian dan cita-cita.

"Cita-cita saya ingin menjadi guru, tapi dengan keadaan sebegini, sangat mustahil dicapai dan impian itu mungkin hanya tinggal angan-angan.

"Saya ingin mengenal dunia luar seperti orang lain, tapi jawapan doktor yang mengatakan pandangan saya tidak pulih sampai bila-bila sangat menyedihkan dan terus meranapkan semua impian.

"Nasib baik saya masih ingat wajah sendiri dan paling penting, wajah umi dan abi tetap tersemat dalam fikiran," katanya ketika ditemui di rumah sewa di Kampung Kedai Buloh di sini.

Sebelum disahkan mengidap kanser hidung, Khairul Bariah berkata, dia mengalami pendarahan hidung namun tidak menyakitkan sebelum ia menjadi semakin kerap.

Menurut bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kedai Buloh itu, keluarga menyangka ia disebabkan cuaca panas namun apabila pendarahan berlaku semakin serius dan banyak darah, dia segera dibawa ke klinik.

'RANAP SUDAH IMPIANKU'

Remaja hilang penglihatan akibat kanser hidung terkilang cita-cita bergelar guru terbantut



NURUL Huda menunjukkan mata kanan Khairul Bariah yang nyaris dibuang kerana komplikasi sel kanser hidung.

"Pada mulanya doktor mengatakan saya menghidap resdung dan diberi ubat namun apabila dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM), saya diberitahu ada ketumbuhan dalam hidung sebaik dijalankan imbasan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI).

"Ketika itu keadaan mata saya teruk dengan bola mata kanan hampir tersembul keluar manakala pipi kanan membengkak dan doktor mencadangkan pembedahan membuang mata serta sebahagian pipi.

"Bagaimanapun keluarga enggan dan sebagai pilihan kedua, saya menjalani rawatan kemoterapi tiga kali

dan Alhamdulillah, bengkak surut dan kini saya perlu menghadiri temu janji dengan pakar dua minggu sekali," katanya yang dikunjungi Pengerusi badan bukaan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed yang menyerahkan sumbangan zakat.

Sementara itu, ibunya, Nurul Huda Ibrahim, 37, berkata, anaknya itu membiasakan diri dengan kehidupan baru dan masih memerlukan bantuan keluarga untuk memimpin berjalan serta menguruskan diri.


"Boleh dikatakan setiap hari Khairul Bariah meminta maaf daripada saya kerana merasakan dirinya

"
Kami tidak putus asa cari ikhtiar kembalikan nikmat penglihatannya
Nurul Huda

menjadi beban kami dan itu sangat menyedihkan lebih-lebih lagi dia bergelar orang kurang upaya (penglihatan) kini.

"Biarpun doktor memberitahu penglihatan Khairul Bariah tidak pulih sampai bila-bila, kami sekeluarga tidak berputus asa mencari ikhtiar mengembalikan nikmat penglihatannya," katanya sambil memberitahu menunggu maklum balas permohonan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi yang ingin membantu, boleh menghubungi Nurul Huda di talian 01155431298.



TAJUK : DIDAKWA CABUL LIMA BUDAK

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



AHMAD Munir dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dikena lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima kanak-kanak perempuan.

DIDAKWA CABUL LIMA BUDAK

Jurulatih taekwando tak mengaku salah atas pertuduhan

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang jurulatih taekwando didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap lima pertuduhan amang seksual fizikal terhadap lima kanak-kanak perempuan pada September dan bulan lalu.

Tertuduh, Ahmad Munir Zainuddin, 20, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut pertuduhan,

INFO

Tertuduh ditahan di sebuah pasar raya di Shah Alam pada 2 November lalu.

Penahanan suspek dilakukan selepas polis menerima lima laporan berkaitan mencabul kanak-kanak perempuan berusia tujuh hingga 11 tahun.

Ahmad Munir yang juga pelajar sebuah kolej swasta didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa berusia tujuh hingga 11 tahun.

Kesalahan didakwa me-

ngikut Seksyen 14(a) dan Seksyen 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga disebat jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah Dewan di Seksyen 24 di sini antara September hingga 28 Oktober lalu.

Rasyidah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan dengan syarat tambahan melapor diri setiap 1 haribulan di balai polis berdekatan, menyerahkan pasport dan

tidak boleh mengganggu mangsa.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Nabilah Abd Rashid manakala tertuduh diwakili peguam 'Adil Safwan Ahmad Shaffie.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 14 Disember depan.

Sebelum ini media melaporkan seorang tenaga pengajar seni mempertanyakan diri ditahan di sebuah pasar raya di sini pada 2 November lalu.

Penahanan suspek dilakukan selepas polis menerima lima laporan berkaitan mencabul kanak-kanak perempuan berusia tujuh hingga 11 tahun.



TAJUK : IBU INSAF LIMA KALI DIPENJARA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka

Demi anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan walaupun berulang kali tersilap langkah dan keluar masuk penjara, seorang ibu bertekad untuk mengubah diri ke arah lebih baik dan mahu pulang ke pangkuan keluarga.

Suriana, 42, (bukan nama sebenar) antara 15 penghuni Penjara Sungai Udang yang diberi pelepasan menerusi pelaksanaan pelepasan Orang Bebas Berlesen (OBB) di bawah Program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) Ihsan Madani di sini, kelmarin.

Wanita yang berasal dari Bukit Baru itu berkata, dia kesal kerana beberapa kali mengecewakan anak-anak dan mungkir janji untuk tidak mengulangi kesalahan hingga mengabaikan mereka sejak terjebak dengan najis dadah kira-kira 15 tahun lepas.

"Ini hukuman kali kelima yang saya jalani bermula dari 2019 dan paling singkat sepuluh bulan. Kali ini saya masuk sini (penjara) pun atas sebab mahu berubah dan menyerahkan diri ke Balai Polis Kandang dengan ditemani anak sulung yang berusia 22 tahun.

"Anak-anak kini dijaga bekas suami di Terengganu dan mereka adalah penguat semangat saya untuk mengubah diri jadi lebih baik. Selepas ini saya akan bekerja supaya dapat kembali bersama mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Suriana berkata kehidupan di tirai besi banyak mengajarnya tentang kehidupan berdikari dan disiplin diri selepas terjerumus dalam episod hitam akibat terpengaruh dengan najis dadah hingga mengabaikan anak-anak di rumah.

Sebelum ini, katanya disebabkan mempunyai rekod lampau dia sukar mendapat kerja dan berasa tertekan menyebab-



SURIANA akui kehidupan di tirai besi banyak mengajarnya tentang kehidupan berdikari dan disiplin diri.

IBU INSAF LIMA KALI DIPENJARA

*Wanita terjebak dadah antara
15 penghuni Penjara Sungai Udang diberi
pelepasan OBB PBSL Ihsan Madani*

kan dia kembali kepada tabiat buruk itu selain masih berhubung dengan rakan-rakan lama.

"Apabila anak-anak semakin dewasa dan faktor usia saya yang semakin meningkat, baru datang keinsafan. Saya bersyukur dibebaskan lebih awal malah ada majikan yang mahu mengambil saya bekerja di restoran

mereka, insya-Allah kali ini saya memang mahu berubah dan tidak sanggup kecewakan anak-anak lagi," katanya.


Sementara itu, Jay, 33, dari Batu Pahat, Johor berkata dia juga berazam mahu memperbaiki diri lebih-lebih lagi apabila melihat keluarga tetap setia menerima dan da-

tang mengambilnya pulang walaupun selepas empat kali keluar masuk penjara.

"Saya gembira dan rasa bersyukur kerana keluarga masih datang ke sini dan berikan sokongan supaya saya dapat berubah, saya juga tidak mahu buat mak sedih dan kecewa dengan diri saya lagi," katanya.



SERAMAI 15 penghuni Penjara Sungai Udang diberi pelepasan menerusi pelaksanaan pelepasan OBB di bawah Program PBSL Ihsan Madani, kelmarin.



TAJUK : KES ROGOL BABIT REMAJA DI KEDAH MENINGKAT

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes rogol babit remaja di Kedah meningkat

Langkawi: Pergaulan bebas dan akses yang mudah mendapatkan bahan lucah di internet dikenal pasti antara punca utama peningkatan kes rogol dalam kalangan remaja di negeri ini.

Ketua Polis Kedah, Datuk Fisol Salleh berkata, sebanyak 150 kes rogol membabitkan juvana direkodkan di negeri itu sepanjang tempoh Januari hingga Oktober lalu,

“Kita bimbang apabila kes jenayah seksual membabitkan mangsa berusia di antara 11 hingga 16 tahun di negeri ini menunjukkan trend menaik sejak 2021 dan peningkatannya menjadi lebih drastik pada tahun ini.

“Mereka (remaja) me-

ngaku terbabit jenayah rogol selepas menonton bahan pornografi menerusi telefon bimbit,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Taman Angkat Skuad Aman Wanita (Amanita) Kontinjen Kedah 2023 di Program Perumahan Rakyat (PPR) Anggerik Lestari di sini, semalam.

Fisol berkata, kejadian rogol membabitkan juvana itu bukan saja dikesan berlaku di pekan atau bandar besar saja, sebaliknya kejadian sama turut meresahkan penduduk di kampung-kampung pedalaman.

“Jadi, berdasarkan situasi semasa, masyarakat kena ambil pendekatan baharu iaitu ‘kena jaga tepi

kain orang’ dalam usaha kita untuk membanteras gejala sosial dalam kalangan remaja.

“Masyarakat bukan saja perlu ambil tahu, tapi kena turut berani tampil membuat laporan supaya pihak berkuasa dapat mengambil tindakan bagi mengelak masalah menjadi parah,” katanya.

Mengulas program Taman Angkat Amanita yang dilancarkan semalam, beliau berkata, PPR Anggerik Lestari di Kuah menjadi lokasi ketujuh dipilih Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kedah bagi melaksanakannya bertujuan menambah keakraban penduduk khususnya suri rumah dan polis.



TAJUK : LAHIR TEMPAT LAIN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



POLIS menyiasat lokasi penemuan mayat bayi perempuan dalam tandas surau di Kampung Pengkalan Nyireh, Besut.

SUSULAN MAYAT BAYI DALAM PLASTIK

LAHIR TEMPAT LAIN

Oleh Zatul Iffah
Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Besut

Polis percaya bayi yang ditemukan dalam plastik di tandas surau di Kampung Pengkalan Nyireh di sini, Isnin lalu, dilahirkan di kawasan lain sebelum ditinggalkan.

Ketua Polis Daerah Besut Superintendan Abdul Rozak Muhammad berkata, ia berdasarkan pemeriksaan dibuat di klinik awam dan swasta di daerah ini yang tidak menerima pesakit baharu me-

lahirkan bayi.

“Kita percaya perbuatan ini tidak dibuat di daerah Besut sebab siasatan di semua klinik awam dan swasta serta mereka yang boleh membantu daripada segi kelahiran mendapati tiada rawatan diberikan kepada individu yang melahirkan anak tanpa rekod.


“Siasatan lanjut masih diteruskan untuk mengesan suspek dan kita juga ada mendapatkan maklumat daripada daerah yang berjiran dengan Besut dalam usaha mengesan suspek.

“Orang ramai yang

mempunyai maklumat diminta tampil membantu polis dan kes disiasat dijalankan mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksamaan kerana menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan mayat bayi perempuan dipercayai dilahirkan lebih daripada 48 jam ditemukan dalam plastik di tandas surau di Kampung Pengkalan Nyireh, di sini.

Mayat yang berada dalam plastik ditemukan di tandas wanita bahagian tengah daripada tiga tandas berkembar di situ.



TAJUK : MANGSA BANJIR DI PERAK MENINGKAT, SELANGOR TURUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 23

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Mangsa banjir di Perak meningkat, Selangor turun

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir di Perak dilaporkan terus meningkat manakala keadaan di Selangor beransur pulih pagi semalam.

Di **PERAK**, jumlah mangsa mencatat peningkatan dengan 507 mangsa daripada 155 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan sementara (PPS) berbanding 470 mangsa banjir daripada 145 keluarga malam kelmarin.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak dalam kenyataan memaklumkan di Hilir Perak 165 mangsa daripada 52 keluarga berlindung di PPS Dewan Serbaguna Padang Tembak

manakala di PPS Dewan Majlis Perbandaran Teluk Intan pula menempatkan 144 orang daripada 46 keluarga.

Seramai 44 mangsa daripada 14 keluarga pula ditempatkan di PPS Dewan Serbaguna Chikus.

"Mangsa banjir di Kerian pula kekal 97 orang daripada 24 keluarga yang ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak dan 57 orang daripada 19 keluarga berlindung di PPS SK Alor Pong-su," menurut kenyataan itu.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan paras Sungai Bidor di Changkat Jong masih pada



SEORANG penduduk menggunakan bot untuk membawa anaknya ke sekolah memandangkan kampung mereka ditenggelami banjir di Teluk Intan.

tahap bahaya iaitu 4.12 meter (m), manakala Sungai Kinta di Weir Tanjung Tua-

Sementara itu di **SELANGOR**, jumlah mangsa

banjir yang berlindung di PPS berkurang sedikit kepada 697 mangsa daripada 178 keluarga berbanding 702 mangsa daripada 180 keluarga dilaporkan malam kelmarin.

Laman sesawang Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat memaklumkan 10 PPS sedang beroperasi di negeri itu membabitkan daerah Sepang (lima), Hulu Langat (dua) dan Kuala Langat (tiga).

Sementara itu, portal Public Info Banjir menunjukkan setakat 8.15 pagi, paras air Sungai Bernam di Kampung Sungai Selisek, Hulu Selangor melebihi tahap amaran dengan trend menurun.



TAJUK : MINTA HABUAN SEKS

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk direman.

Oleh Mohamed Farid
Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang anggota sebuah agensi penguat kuasa di sini ditahan kerana disyaki meminta habuan seks sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas seorang wanita kerana gagal melaporkan diri disebabkan kesalahan dadah.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu dipercayai ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ketika bersama wanita berusia 20-an dalam satu operasi khas di sebuah hotel di sini, pada kira-kira jam 7.30 malam kelmarin.

Wanita berkenaan dipercayai gagal melaporkan diri secara bujukan kepada agensi penguat kuasa berkenaan dan bagi

MINTA HABUAN SEKS

Balasan supaya tak ambil tindakan wanita gagal lapor diri kerana kesalahan dadah

mengelakkan daripada diambil tindakan, suspek telah meminta habuan seks.


“Wanita berkenaan dipercayai pernah ditahan kerana kesalahan dadah dan sedang menjalani tempoh pengawasan selama dua tahun di sebuah agensi penguat kuasa di Johor Bahru,” kata

sumber berkenaan.

Mahkamah Majistret Johor Bahru semalam membenarkan permohonan reman empat hari hingga Isnin ini bagi siasatan lanjut.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Suspek ditahan bersama wanita dalam satu operasi khas di sebuah hotel



TAJUK : PENTERNAK LEMBU KENA JEL 2 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

CEKIK, TUMBUK ISTERI

Penternak lembu kena jel 2 tahun

Kuala Pilah: Seorang penternak lembu dipenjarakan dua tahun selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan memukul isterinya yang juga seorang guru, Selasa lalu.

Tertuduh Ismail Ibrahim, 46, membuat pengakuan berkenaan sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Saiful Sa'yoti.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap wanita berusia 47 tahun itu di kaki lima hadapan sebuah restoran makanan segera di Gemencheh, jam 9.10 malam pada 7 November lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan yang boleh di-

hukum mengikut seksyen yang sama dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Mengikut fakta kes, tertuduh dan isterinya bertengkar di hadapan restoran makanan segera ketika wanita itu sedang menunggu bas untuk pulang ke kampung di Terengganu.

Ketika pertengkaran itu, tertuduh mencekik leher, menghantuk kepala isterinya ke dinding beberapa kali selain menumbuk pada mata kanan pengadu dengan disaksikan orang awam.

Pendakwaan kes dikenalalakan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Amirul Noor Hashimi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : PESAKIT KANSER PINJAM ALONG BAYAR KOS RAWATAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pesakit kanser pinjam along bayar kos rawatan

Alor Setar: Akibat desakan hidup dan bergelumang dengan masalah kewangan untuk menampung kos rawatan, ada dalam kalangan pesakit kanser membuat pinjaman wang tidak berlesen haram atau along.

Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM) Zuraini Kamal berkata, pihaknya menerima lima laporan membabitkan pesakit kanser yang membuat pinjaman along dengan alasan untuk membayar kos rawatan di hospital.

Beliau berkata, kes terbaru membabitkan pesakit kanser wanita yang kini diganggu along kerana gagal membayar balik pinjaman.

"CSM pernah membantu pesakit itu dan saya agak terkejut apabila dimaklumkan dia kini dikejar along, keluarga serta rakan pesakit turut diganggu konco-konco lintah darat itu untuk menuntut hutang.

"Dalam hal ini, saya cuma boleh menasihatkan mereka supaya membuat laporan polis jika rasa terancam dengan ugutan dan sebagainya," katanya, semalam.

Dalam pada itu, Zuraini menasihatkan pesakit kanser yang mempunyai masalah kewangan cuba mendapatkan bantuan dari pihak berkai-

tan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Katanya, CSM tidak menggalakkan pesakit kanser membuat pinjaman daripada pihak seperti along kerana ia bukan satu penyelesaian masalah tetapi memudaratkan.

"Kita faham isu ini agak sukar dan ramai pihak di luar sana yang boleh menyalurkan bantuan kepada pesakit kanser khususnya yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di hospital.


"Selalunya pesakit yang kita ziarah, mereka memang terdiri dalam kalangan kurang berkemampuan dan menghadapi kanser malah kanser ini pula memerlukan rawatan yang panjang dan perlu berulang ke hospital banyak kali," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape) Mohamad Yusoff berkata, tindakan yang dilakukan along itu agak keterlaluan kerana mengambil kesempatan ketika orang lain dalam kesempitan.

Katanya, pihaknya menasihatkan mangsa supaya membuat laporan polis jika diganggu along untuk mengelak kejadian tidak diingini berlaku.



“
Saya agak terkejut apabila dimaklumkan dia kini dikejar along
Zuraini



TAJUK : RM822,938 MELAYANG KONON TERBABIT JENAYAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

RM822,938 melayang konon terbabit jenayah

Hulu Selangor: Seorang kakitangan awam wanita mengalami kerugian RM822,938 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam, Rabu lalu.

Mangsa berusia 33 tahun menerima panggilan daripada lelaki menyamar sebagai kakitangan syarikat penghantaran yang memaklukkannya membuat kiriman kad pengenalan dan kad bank untuk dihantar ke Miri, Sarawak.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahir berkata, wanita itu kemudian dimaklumkan oleh individu terbabit bahawa maklumat peribadinya digunakan orang lain.

"Suspek kemudian mengarahkan mangsa untuk berhubung dengan dua lagi lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Suspek memaklumkan wanita itu mempunyai rekod jenayah membabitkan kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ahmad Faizal berkata, suspek kemudian meminta butiran maklumat peribadi dan perbankan milik mangsa.


"Mangsa mendapati wang di dalam akaun banknya berkurangan sebelum mengambil keputusan untuk membuat laporan polis pada 11:34 pagi kelmarin (Rabu lalu)," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



Suspek memaklumkan wanita berkenaan mempunyai rekod jenayah yang membabitkan kes pengubahan wang haram dan penyeludupan dadah"

Ahmad Faizal



TAJUK : ENFORCEMENT OFFICER HELD FOR SEEKING SEX FAVOURS

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DETAINED BY MACC

Enforcement officer held for seeking sex favours

JOHOR BARU: An enforcement officer has been detained on suspicion of extorting sexual favours in return for not taking action against a woman who failed to report herself to the authorities for a drug-related offence.

According to sources, the male suspect in his 40s is believed to have been detained by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) while in the company of a woman in her 20s during a special operation at a local hotel, around 7.30pm last night.

The woman was suspected of failing to report on a monthly basis to the law enforcement agency as ordered. The suspect had asked for sexual favours from her in exchange for letting her off

from any legal action.


"According to reports, the woman had been previously detained for an offence related to drugs and is presently subject to a two-year surveillance order imposed by a law enforcement agency in Johor Baru," said a source.

The Johor Baru magistrate's court yesterday granted a four-day remand order until Monday to MACC. The remand application was approved by the court's senior assistant registrar Chai Ing Hien.

MACC Investigation Division director Datuk Azmi Kamaruzaman, when contacted, confirmed the arrest and that the case was being investigated under Section 16(a)(B) of the MACC Act 2009.



Datuk Azmi Kamaruzaman confirmed the arrest



TAJUK : MARTIAL ARTS MAN FACE SEX ASSAULT RAP

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 11 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DON'T HARASS GIRLS, ACCUSED WARNED

MARTIAL ARTS MAN FACES SEX ASSAULT RAP

Private college student claims trial to sex assault on 5 girls, aged 7 to 11

DAWN CHAN
SHAH ALAM
news@nst.com.my

A TAEKWONDO instructor was yesterday hauled before the Sessions Court in Shah Alam to face five counts of sexual assault on five girls aged between 7 and 11 in September and October this year.

Dressed in a red shirt and a pair of black pants, Ahmad Munir Zainuddin, 20, arrived at the

court compound at 8.50am escorted by the district police headquarters Criminal Investigation Department's All Black Team.

Munir, a private college student, claimed trial to all charges framed under Section 14(a) and (b) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 read before Sessions Court judge Rasyihah Ghazali.

He was accused of committing the acts for sexual purposes on five separate occasions in September and October this year at a public hall.

According to the charge sheets, he had allegedly assaulted the girls by touching their private parts, thighs and buttocks.

One of the charge sheets read that he had pulled a 7-year-old girl's hand to touch his private



